

30/01/2000

Rahman dan adilnya dia!...

Anas K Hadimaja

BIRU Langit di seluruh mukim itu menarik perhatian orang tua, cicit Kiyai Johar Demak, seorang peneroka pekebun kecil kelapa di kawasan Kuala Perak zaman Sultan Alang Iskandar. Bahang matahari lebih teruk daripada panas 11 Ramadan sebelumnya. Tanggal 19 Disember 1999! Orang tua itu pernah mengatakan kepada anak-anaknya, terutama kepada yang ketika itu masih mahasiswa Universiti Islam Antarabangsa.

"Empat puluh satu tahun merdeka politik, orang Islam keturunan Melayu dominan di bumi Allah ini, termasuk aku, dengan alasan, dengan dalihan masing-masing gagal mengutamakan takwim Islam. Maal Hijrah tak akan prominan seagung dan segar perayaan menyambut tahun baru Masehi! Kelantan pun gagal membuat penduduknya mengutamakan perayaan Maal Hijrah daripada New Year!

"Begitu tolerannya orang Islam Melayu, begitu apologetiknya pemimpin politik dan kerajaan keturunan Melayu Islam.

"Jadikan diri pemimpin terbilang supaya pemikiran engkau dihargai dan cakap engkau didengar orang. Dunia sekarang dikuasai falsafah tuhan sudah mati! Politiking melemahkan ahli falsafah Islam selepas Syarif Hussain di Makkah.

"Engkau, anak abah. Jangan terpedaya dengan kelentong kononnya ada negara Islam di dunia! Negara yang tidak 100 peratus menggunakan Piagam Madinah bukan negara Islam. Ingat! alim ulama jumud pelampau, sedang berusaha mendirikan kerajaan macam kerajaan gereja ortodoks Katholik dulu. Jauh bezanya antara negara Islam dengan Negara Ulama Islam!"

Lori ikan itu berhenti. Injinnya masih hidup. Cina pemandunya yang tak berbaju itu merenung orang tua itu.

"Atok, sudah sampai. Saya mau pergi market." Orang tua itu terjaga dari arus ingatannya. Digenggamnya tongkatnya kemas.

"Tok mau pegi mana?" kata Cina itu.

"Jumpa kakak!" sahutnya. Ada kehairanan di muka Cina muda itu.

"Kakak?" katanya. Orang tua itu angguk.

"Tok berapa tua?"

"60 tahun!"

"Haiyooo! Tok punya akak?"

"90 tahun?"

"90 tahun ka?" kata pemandu lori itu.

Orang tua itu menjuntai-juntaikan kakinya ke tanah. Dia memang uzur, ada masalah pada lutut tuanya, hanya kedegilan dan keras hati menguatkannya berjalan ditengah bantahan anak cucunya.

"Tok punya kakak punya rumah mana? Kalau dekat saya boleh antar. Tapi Tok kena tunggu ini ikan saya kasi turun dekat itu taukeh!" ujar Cina itu jujur. Orang tua itu menggeleng.

"Sini bas tak ada Tok! Teksi pun tak ada!" jelas Cina itu.

Orang tua itu walau agak terketar-ketar sudah terdiri dengan bantuan tongkatnya. Ada kengiluan pada kedua-dua lututnya. Dia tidak mengadoi, tak adapun tanda kesakitan pada wajah tuanya. "Alhamdulillah" tiada putus dari hatinya.

"Aku boleh jalan, tauke!" katanya. Cina itu menggeleng-geleng.

"Terima kasih. Berapa Ringgit?" katanya.

"Tak, tak usah bayar Tok."

Orang tua itu merenung muka Cina itu seperti meragui keikhlasannya.

"Tak payah bayar Tok!" katanya tegas. Orang tua itu mensyukuri Rahman

Tuhannya sambil berterima kasih kepada Cina itu. Dengan Bismillah dimulakan langkahnya.

Awan kelabu berarak datang ke langit sekitar tempat orang tua itu tegak. Kering angin Ramadan menyapu peluh di mukanya. Subhanallah, walhamdulillah, walailaha-illallah wallahuakhbar!

Di celah ibadat hatinya, ingatannya sempat terkenangkan berita yang ia baca pada akhbar beberapa hari lalu. "Lim Kit Siang dapat peruntukan Perbendaharaan Negara Malaysia selama lebih 30 tahun sebagai gaji ketua puak mencari silap kerajaan, sudah mengajak rakan sekutunya di Parlimen memboikot Sidang Parlimen dengan alasan kononnya nasihat Dr Mahathir supaya Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menitahkan Parlimen bersidang pada hari Isnin, 20 Disember 1999, tidak sah di sisi Perlembagaan Malaysia,"

Nik Aziz, Fadzil Nor dan Hadi Awang rujuk perkara itu kepada Tun Salleh Abas atau tidak sebelum ikut cakap Kit Siang? Tanya fikiran yang ada pada akalinya.

Orang tua itu menapak terus. Manusia yang terpandangkannya mustahil terfikirkan bahawa dalam diri yang setua dan selusuh itu ada lagi perhatiannya kepada isu negara.

Kalaulah isi pemikirannya itu diluarkannya, mungkin akan jadi bahan jenaka orang yang lebih muda dan lebih sihat daripadanya, termasuk ahli parti yang dianggotainya sejak dia faham maksud kegiatan politik berparti.

Ia orang biasa, ahli parti, pernah menjawat jawatan tidak lebih daripada setiausaha cawangan, dan tidakpun berpengaruh.

Orang tua ini dalam perjalanan ke kampung tumpah darahnya. Di kampung yang dibuka oleh moyangnya, zaman Sultan Alang Iskandar. Cawangan pertama Umno di Perak selepas didaftarkan Dato' Onn Jaafar ditubuhkan di kampungnya, hasil kerja arwah bapaknya dan abang sepupu belah emaknya, Lob Jamaluddin.

Kampung dan mukimnya masuk dalam kawasan Dewan Undangan Negeri dan Parlimen yang pernah diwakili Tan Sri Bahaman Shamsuddin, Lop Hashim Ketong, Sulaiman Bulon, Yahya Zakaria, Yaakob Ala, Mat Jamrah, Abdullah Ahmad dan Zahid Hamidi. Dia pernah mewakili Umno cawangannya ke sidang bahagian ketika Mat Jamrah menjadi Ketuanya, tetapi politiking zaman itu menafikan hak wakil cawangan yang diketuainya dan aduannya tidak pernah dihiraukan oleh kuasa yang lebih tinggi partinya, peringkat negeri dan negara.

Kampung kelahiran si tua ini, di Kuala Perak yang tidak semasyhur Kuala Selangor, yang ada kawasan hutan berembang yang jadi koloni kunang-kunang penarik kedatangan pelancong antarabangsa.

Ini kawasan pengeluar kelapa dan koko yang tiada lagi terbilang. Tok Megat Junid ketika menteri dulu mungkin kurang tahu bahawa kelapa di kawasan ini bercambah di pokok dan tak ada pembeli selain Fama yang terbatas kuasa belinya! Kesetiaan pengundi kawasan ini pada kerajaan semacam belum memadai untuk kerajaan mencari ikhtiar membawa peluang lebih baik bagi mereka mendapat lorong duit selain kelapa dan koko.

Sejak pilihan raya 1955, Pas mencuba nasib di sini, Panglima Jihad Pas arwah Hassan Adli hanya menang selepas Pas jadi komponen Barisan Nasional. Tak ada Pengerusi Perhubungan Umno, Perikatan dan Barisan Nasional di Perak yang risau calon partinya kalah di sini, kerana calon parti itu memang menang dalam semua 10 pilihan raya lalu.

Demikian gelodak bermain dalam fikiran orang tua itu sambil merayapi jalan dalam seksaan lenguh dan kebas lututnya serta pandangan yang kabur.

Dia pulang oleh satu panggilan telefon seorang kawan sepersekolahannya tiga hari lalu, disokong isi percakapannya dengan seorang cucu saudaranya yang terserempak dengannya di masjid India, Klang.

Telefon dan dialog di perkarangan masjid India di Klang menggesanya

pulang. Abdul Razak, cucu saudaranya itu paling disenanginya, agak lebih dimanjai daripada lebih 30 cucu saudaranya yang lain. Abdul Razak anak Lebai Hussain lain daripada pemuda generasinya. Di mata orang tua ini, Abdul Razak masuk dalam senarai perwatakan orang solihin. Dia anak bongsu bapaknya, anak yang dari tingkah laku, tutur kata dan budi bahasa, akhlaknya, boleh dengan tepat memperkenalkan Lebai Hussain sebagai pohonnya.

Abdul Razak memang anak buah Lebai Hussain yang terbaik. Dia pemuda mukmin Melayu yang amat menepati istilah itu.

Abdul Razak, sejak tahu berjalan dan bercakap, mengikut akuan Lebai Hussain sendiri, tidak pernah membebankan keluarganya. Kemiskinan bapaknya lekas mendewasakan akalinya dan mematangkan tulang uratinya.

Dia rajin belajar, rajin berfikir, dan tekun menyembah Tuhannya. Tuntutan akademiknya tidak sampai ke mana walaupun kemampuan akalinya belajar dan ingatannya kuat tidak kurang suatu apapun berbanding yang sampai ke universiti.

Kemiskinan memaksanya berhenti sekadar SPM. Dengan SPM gred pertama sembilan agregat itulah dijadikannya modal memulakan hidup selepas bapaknya mati kerana menderita kencing manis!

Abdul Razak memilih kampung kelahiran bapaknya sebagai medan mengabdikan diri akan ibunya yang tidak memahami erti "syukur" dan "terhutang budi".

Di kampung kelahirannya, bapak dan datuknya itulah, Abdul Razak, dengan caranya sendiri mengagumi Abdullah Badawi, dan Dr Mahathir, berbuat apa saja yang dipercayainya betul menyusun barisan pemuda kampung.

Dia belum menyertai apa-apa parti politik kerana keyakinannya untuk menjadi orang berguna kepada bangsa dan negara serta mendapat keredaan Allah, tidak perlu menanti jadi Menteri Besar atau Perdana Menteri!

Dengan keyakinan itu, Abdul Razak mendidik diri menjadi pembaca yang tekun, sensitif dengan ehwal semasa, pandai memilih rancangan radio dan TV yang berfaedah dan bijak memilih aktiviti masyarakat yang berguna untuk disertainya. Dia sensitif dengan apa jua hal di kampungnya, disenangi semua orang tua, muda, lelaki dan perempuan, dan diluar kesedarannya, di kalangan penduduk kampung dan mukimnya terpandang dan diiktiraf sebagai tokoh disegani. Dia amat kedekut dengan kata-kata, tetapi murah dengan tenaga. Abdul Razaklah menyebabkan orang tua ini balik ke kampung.

"Tok Cu, baliklah! Kalau tak lama pun, tiga empat hari," kata Abdul Razak. Lagu suara, sinar mata dan rona mukanya penuh rayuan dan harapan.

"Nak buat peronjang apa Tok ni di kampung? Aku dah cuba dulu, bukannya kamu tak tahu, arwah bapak kamu dah cerita, akupun dah cakap, zaman Musa Hitam Timbalan Presiden Umno, aku dah balik. Aku ikut aturan Umno, masuk dari bawah, Cawangan Sungai Burung; lepas kami pecahkan kubu Pas, lepas itu cawangan bagi Tok tauliah mengetuai lima orang perwakilan ke mesyuarat bahagian di Selekoh yang dirasmikan Ramli Ngah Talib.

"Engkau tau, dengan tak tentu alasan tauliah Tok ditolak, perwakilan cawangan Sungai Burung tak dibenarkan hadir mesyuarat bahagian. Ustaz Salleh Abdul Rahman, Pengerusinyapun tak buat satu apapun. Kami buat aduan dan permintaan kes itu disiasat oleh perhubungan dan Ibu Pejabat dan bapak engkau tau, sampai dia mati, sampai sekarangpun tak ada satu apapun penjelasan.

"Itu politik peringkat akar umbi! Jadi, buat apa aku campur? Aku dah penat berceramah kepada generasi kamu. Lepas 1981 orang masuk Umno, sebab jawatan penting dalam Umno itu ganti modal asas jadi orang Melayu tokoh korporat.

"Pemimpin cawangan dan bahagian digalakkan jadi korporat. Perjuangan asal Umno macam bapak aku, Kiyai Dolah Khalil, dan Wak Karman di Sungai Pergam dulu faham iaitu mengekalkan ketahanan dan keselamatan ketuanan Melayu pada bumi bernama Melayu sudah jadi soal kedua. Orang Umno sendiri

sudah kurang minat mendengarnya.

"Sebab itu cakap dan akal orang macam Ghazali Shafie, Samad Deris, Esah Ghani, Harun Deris, Dollah Badawi tak terpakai. Budak-budak baru Umno ni kalau dengar Ghazali Shafie nampaknya cukup syok, pusing belakang terus tak ingat satu apa biji butirnya lagi. Itulah, tak berapa lama selepas 1981 kebanyakan tokoh Umno peringkat akar umbi bertukar jadi macam "Batak Upah", tak buat satu apa kecuali kalau ada janji dapat upah, dapat habuan, dapat bayaran. Tampal poster pun kena upah!

"Aku dengar orang Umno lebih banyak berusaha dan bekerja mendapatkan "pink form", borang kesumba, sebab itu alat yang paling mudah jadi jutawan segera! Akhirnya orang itu jadi apa? Bukan sekadar jadi tokoh korporat, tapi jadi Melayu yang sentiasa lupa apa-apa Dr Mahathir bagi dia kerana Umnonya, tetapi sentiasa ingat permintaannya yang belum diluluskan.

"Cakap Dr Ismail Abdul Rahman jadi kenyataan: Umno hancur dari dalam! Itulah yang ditangiskan Tunku Abdul Rahman ketika muncul di TV selepas 13 Mei 1969, kerana kempen Lim Kit Siang, Tan Chee Khoo, Asri Muda dan lain-lainnya dalam kempen pilihan raya 1969.

"Orang tak belajar politik menyebabkan pertumpahan darah 13 Mei 1969. Orang Melayu lekas lupa. Apa akibatnya Razak? Lihatlah jumlah undi Mahathir di Kubang Pasu; jumlah undi Umno dalam pilihan raya ke-10.

"Adakah Umno sama macam MCA bagi masyarakat Cina? Kelab tokoh korporat? Adakah Umno itu alat politik dewan perniagaan Melayu kelas elit sebagaimana MCA bagi Cina dan MIC bagi India? Adakah Pas dari segi peranan politiknya mengambil tempat Umno 1946 hingga 1962? Ling Liong Sik, yang tidak pernah dianggap asing oleh pengundi Cina pada aku pemimpin korporat Cina. Tokoh besar pemimpin politik Cina tetap Kit Siang di dalam dan di luar Parlimen Malaysia selama ada orang Cina di Malaysia yang kagum dan terpesona dengan Lee Kuan Yew.

"Bezanya, Melayu Umno berpecah dalam bersatu, Cina bersatu sentiasa dalam rupa perpecahan politik bernama MCA, Gerakan, DAP dan sebagainya.

"Orang Cina bijak menggunakan Kit Siang, Liong Sik, Lim Keng Yaik, Kuan Yew, Lim Swee Leong bahkan Chuan Leekpai pada masa dan ketikanya "Kebijaksanaan belum ada pada Melayu, selama Melayu itu belum bijak membuang identiti amok race dan masyarakat yang sukakan gosip!

"Melayu sudah mati. Yang kekal hanya nama buat penawar hati yang duka. Apa lagi yang secara realistiknya boleh kamu banggakan dengan Melayu itu? Sebagai identiti kerajaan apabila dan bagaimana Umno itu boleh berbangga sebab sejak 1955 tak pernah ada kerajaan Umno, kalau benar Melayu itu Umno dan Umno itu Melayu?

"Apabila menang dan bentuk kerajaan, yang timbul dan bangga ialah Perikatan, kemudian Barisan Nasional? Apabila kalah, malu biasanya Umno! Jadi, apa mustahaknya aku balik? Soalnya kepada cucu saudaranya itu.

Selepas bersyarah panjang demikian, dia menikmati semacam kelapangan di dada dan kepalanya seperti baru melepaskan junjungan bebanan yang berat.

Bertahun dia bercakap isu itu dengan Tuhannya, dengan roh Hang Tuah, dengan Muhammad s.a.w., dengan angin, pokok, bumi Masjid Duyung di Melaka, dengan Laut Cina Selatan (Kenapa tidak Laut Melayu?) dengan ombak laut Melaka, dengan dirinya sendiri.

Isi hati, rasa dan fikirannya itu, kali pertama dicurahkan kepada orang. Sedarkah Razak bahawa dia adalah keturunan Kiyai Jauhar Abu Bakar al-Hadad Demak yang paling bertuah mendengar pemikiran orang tua cicit Kiyai Jauhar Abu Bakar yang dikenalnya dan dipanggilnya Tok Ucu itu?

Sepanjang masa Razak mendengar orang tua itu tegak meremang bulu romanya, sayu pilu rasa hatinya. Ada rasa ingin mencelah perkataan Tok Cunya itu dengan pertanyaan, diurungkannya, kerana adab Melayu; Pantang mengacau cakap orang tua sebelum selesai.

Lebih daripada 15 minit selepas orang tua itu mengakhiri cakupannya,

barulah Abdul Razak memberanikan dirinya bertanya.

"Tok Cu bertanya, apa mustahaknya Atok balik kampung?" Dan orang tua itu mengiyakan dengan sinar mata tuanya. Abdul Razak senyap seketika memastikan butir kata yang patut dituturkannya.

"Arwah bapak dan Atok ajar, kita patut sentiasa patuh kepada Takdir, sentiasa reda! Keluarga kita, tidak mengetepikan atau membelakangkan Allah dan Rasulullah s.a.w. dalam gerak dan dalam diam! Kalau berjuang, tak takut kalah dan sentiasa bersedia syahid.

"Kita tidak memperhambakan akal dan rasa kepada mana-mana manusia! Kita juga diharamkan menyembah muka kita! Kita beribadat tidak mengharap pahala atau upah dari Allah SWT. Tuntutan kita keredaan bapak, emak dan Allah SWT. Atok ajar saya supaya percaya; Kita tidak sekali-kali menghambakan diri kepada mana-mana kerajaan tetapi menjadikan kita sebahagian daripada kerajaan, sebab kerajaan itu ialah pengurus dan pentadbir negara, negeri, mukim dan kampung.

"Bapak kata, rumah itupun kerajaan. Kerajaan itu pembuat dan pelaksana undang-undang dan peraturan yang mesti ada untuk menjadi cagaran kepada ketahanan dan keselamatan rumah tangga, kampung, mukim, daerah, negeri dan negara.

"Itulah jaminan yang jadi cagaran keharmonian dan keamanan global. Itu pula, kata Tok Cu, asas yang memberi ruang dan peluang kepada manusia mengajak diri dan berbuat durjana hingga menyebabkan pertumpahan darah di bumi Allah. Itu juga pegangan saya, Abdul Razak, anak bapak dan emak, cucu Tok, cucu saudara Tok Cu.

"Kasihkan negara sebahagian iman, kasihkan rumah tangga dan keluarga, pada saya Tok Cu, ialah asas dan permulaan kasihkan negara. Rumah tangga, memang belum ada lagi, untuk saya. Lepas emak pindah mengikut Kak Uda Senah, saya berumah di mana-mana saja Tok, makan minum sekadar keperluan hidup.

"Yang ada cuma kampung dan surau serta masjid yang diwakaf khas nenek moyang kita, Tok Cu. Tapak kawasan dan bangunan masjid itu diwakaf khas untuk orang mukmin, penduduk kampung. Masjid, terutama mimbar dan majlis belajar serta mengajar ilmu ketuhanan bawaan Muhammad s.a.w., tidak boleh digunakan sebagai pentas atau tempat sesiapa saja, termasuk keturunan Kiyai Jauhar Abu Bakar atau Kiyai Jalil mendapat pengaruh yang boleh digunakannya untuk memperoleh kuasa memerintah kampung, mukim, daerah, negeri dan negara.

"Pendeknya, macam pesanan Tok Cu sebelum bertolak ke New York dulu, kekeramatan, kemuliaan dan kesucian pada maksud wakaf khas tapak dan bangunan masjid itu hendaklah sentiasa dipelihara. Tapi macam Razak cakap tadi Tok Cu, selama masa Tok Cu tidak menjenguk muka di kampung, sudah ada orang luar memakai majlis mengaji dan mimbar masjid Tok Kiyai Jauhar itu sebagai pentas kempen politiknya. Orang Umno macam Wak Misbah, Kang Mufarat tak buat. Orang Umno, sehingga saya tinggalkan kampung tiga hari dulu ke Selangor mencari Tok Cu, belum lagi mencemarkan kemuliaan wakaf khas masjid itu. Orang parti lain sudah. Majlis merayakan kemenangan Pas di Terengganu, Kedah dan di Parit pun buat di masjid. Saya dan keluarga kita tak pergi.

"Orang berani guna masjid sebagai tempat kempen sebab ada kakinya daripada keluarga kita. Pak Usu Wahabi, dia salah seorang guru mengajar hadis dan tafsir di masjid itu. Dia yang mulakan.

"Saya pernah dengar dia mengajar. Tafsiran ayat Quran yang dibuatkan bila saya telitikan memangnya kempen untuk mempengaruhi orang menyokong partinya. Saya ni pangkat anak Tok, anak saudara! Apa boleh saya buat?

"Tok Cu lain, Tok Cu satu-satunya waris lelaki rapat yang tunggal hidup di dunia ni. Kuasa mengurus dan mentadbir wakaf khas masjid itu dalam tangan Tok Cu! Jadi Tok Cu boleh dan berhak melarang Pak Usu Wahabi

daripada kempen partinya dengan berselindung di sebalik mengajar mengaji ilmu hadis dan tafsir al-Quran di masjid Tok Aki Jauhar itu. Kalau Tok Cu dah tak ada, itu lain, saya akan ke depan."

Mendengar butir dan isi cakap Abdul Razak menyebabkan orang tua itu tersandar di kerusi warong teh tarik mamak di tepi jalan itu. Ia tahu abang saudara sedatuknya itu memang ganjil dan lain daripada lelaki keturunan Kiyai Jauhar, moyangnya.

Dia, Ustaz Abdul Wahab seperti dilahirkan untuk jadi pembangkang barang apa jua yang dibuat keluarga. Bapaknya sendiri di sanggahnya. Selepas mahir bahasa Inggeris dia masuk sekolah pondok. Sesudah beberapa tahun hilang dia balik dengan berjanggut berjambang bermisai dan berserban. Orang sudah memanggilnya "Ustad"! Namanya juga berubah, bukan Abdul Wahab lagi tetapi "Wahabi", Ustad atau Ustaz atau Tuan Guru Wahabi.

Syarahan sulung sempena Maulidur Rasul di padang Sekolah Kebangsaan kampung mereka, Ustaz Wahabi mencerca dan mencela apa-apa yang dibuat kerajaan di kampung itu, termasuk projek jalan raya, walaupun semua orang kampung tenguk jalan raya yang dicela dan dicercanya itu juga yang dilalui motokar Proton yang membawanya balik ke kampung.

"Jadi engkau betul ada bukti, Pak Usu Wahab nak buat kenduri pulut kunyit merayakan kemenangan partinya di masjid itu?" kata orang tua itu. Abdul Razak ngangguk.

"Sarman membelikan lembu dan kambing. Embakayu Ani jadi kepala tukang masak. Jam 12 malam, tepat 11 Ramadan bersetuju dengan 20 Disember 1999 puak Pak Usu Wahabi akan buat solat sunat hajat tanda rasminya penubuhan ranting partinya di kampung kita. Mereka meminta Allah selamatkan puak pembangkang di Parlimen yang akan memboikot sidang pertama Parlimen pada 20 Disember 1999 macam kehendak Kit Siang.

"Razak tak berdaya mencegah Pak Usu Wahabi, Tok. Tok sendiri tau, secara rasminya, tak pernah ada cawangan parti pembangkang di kampung dan mukim kita. Hassan Adli sendiri gagal buka ranting Pas di kampung kita. Tok Ngah Onyang Dolah sendiri tak pernah sebut Umno di kawasan masjid kita, tak ada sekeping surat perisytiharan yang ditampalkan di papan iklan masjid yang menyebut Umnopun.

"Kini, zaman Pak Usu Wahab, masjid keramat itu digunakan sebagai tempat mengisytiharkan parti politik ranting kampung. Dan sebagai anak, sebagai cucu Tok, saya tak berdaya berbuat apa-apa!"

"Barisan pemuda kamu, Razak, apa jadi, apa gunanya?" kata orang tua itu menduga akal cucu saudaranya. Razak diam.

"Secara aman, kami dah cuba Tok. Tapi orang tua sendiri nampaknya macam terpengaruh. Apabila difatwakan mendengar ceramah parti Pak Usu Wahab sama pahalanya dengan ikut dalam Perang Badar, bagi duit upah penceramah disamakan dengan membeli telaga Yahudi di Madinah zaman Rasulullah s.a.w., dan sesiapa tak sokong partinya kalaupun tak menentang akan masuk Neraka. Apa kesannya pada akal orang kampung di kampung kita tu meneruskan hidupnya, Tok Cu?"

Apa lagi yang boleh Razak dengan kawan-kawan buat? Kecuali perang!" dan puk! Penumbuk Abdul Razak singgah ke meja mamak teh tarik. Meja berfomeka itu terbelah. Segala yang ada di atasnya berterbangan. Orang yang ada terdiri gerun. Mamak meraung lalu terpelempang. Subhanallah! kata hati orang tua itu. Sepontan ia memeluk Abdul Razak.

"Beristigfar! Ini tempat orang! Eh!" Tetapi Abdul Razak yang kelihatannya seperti memijak semutpun tidak membunuh itu masih belum reda. Dia sudah terlalu sakit, terlalu terseksa menerima segala macam perli, sendaan, ejekan malah kutukan ke peringkat hukuman, solatnya pun tak diterima Allah, mendengar cakupnya juga berdosa macam mendengar seruling iblis, macam-macam lagi sejak lepas pilihan raya 1995 hingga malam 29 November 1999 lalu. Dia tiada sanggup lagi bersabar dan menanggung

seksaan, terutama dari keluarga Pak Usu Wahabi.

"Kalau Tok Cu tak boleh balik, bagi saya keris pesaka Tok Onyang Jauhar tu! Biar saya berdiri jam 12.00 malam 12 Ramadan 1420 Hijrah di masjid wakaf khas Tok Onyang Jauhar tu. Saya seorang! Tak payah kawan. Saya seorang! Biar darah saya menyemah masjid itu! Tak akan ada sepatah pun lagi kempen politik dari kawasan masjid itu, tidak kempen Umno, tidak kempen Pas tidak kempen parti Keadilan. Saya sanggup mati kerana menghalang Pak Usu Wahabi, Tok, izinkan saya!" katanya, perlahan tetapi tegas.

Orang tua itu mententeramkan Abdul Razak, cucunya. Ia berjaya memujuk cucu saudaranya itu beredar dari warong mamak itu setelah membayar harga meja dan lain-lain kos kerugian barangan akibat kemarahan Abdul Razak yang turun seketika tadi.

Orang tua itu menghidu bau bahaya dan malapetaka yang sedang mengancam penduduk kampungnya akibat angkara anak saudaranya yang sudah jadi Tuan Guru alias Ustaz Wahabi yang menyangka dia dan orang yang sefahaman dan sehaluan dengan tokoh-tokoh besar pemimpin parti politiknya saja yang Islam yang selamat dan dapat jaminan masuk Syurga Allah Taala, selain mereka, semuanya Neraka tempatnya di negara Akhirat kelak.

Abdul Razak yang berjaya menahan pembunuhan di serambi masjid moyangnya akibat ada ahli jemaah Ustaz Wahabi yang membawa masuk novel Shit ke dalam masjid itu, lewat malam itu bersejua pulang ke kampung, selepas bersumpah dengan Tok Usunya, dia tidak akan memulakan kecuhan.

Niat cicit Kiyai Jauhar untuk menggunakan keris pesaknya sebagai senjata berperang mempertahankan kedaulatan masjid wakaf khas itu tidak kesampaian sebab cucu Kiyai Jauhar, orang tua itu tidak pernah yakin bahawa perang adalah cara menyelesaikan konflik.

Abdul Razak pulang dengan gema kata Tok Cunya, "Selepas Sayidina Ali r.a. syahid, Piagam Madinah, Perlembagaan Negarabangsa Islam tidak tegak lagi. Negara Islam tak ada lagi. Belum ada negara Islam semasa dan selepas Muawiyah, belum ada juga sekarang. Anwar Ibrahim, Nik Aziz, Fadzil Nor, Hadi Awang macam juga Dato' Onn, Tunku Abdul Rahman, Tun Razak, Hussain Onn dan Mahathir tidak berjumpa nabi Muhammad s.a.w. atau salah seorang dari sahabat Rasulullah s.a.w. yang empat."

Fahaman politik, mazhab tidak melebihi atau mengurangkan darjat seorang mukmin daripada mukmin lain. Kamu pastikan jangan sampai ada Islam mazhab Umno dan Islam mazhab Pas di kampung. Dua kejahatan tak mungkin mewujudkan satu kebaikan atau kebenaran! Pergilah balik, biarkan Tok cari cara terbaik menyelesaikan kekalutan di kampung kita itu!"

Dengan pesanan dan amanah itu, Abdul Razak pulang. Orang tua itu belum sedap hati. Risau kalau iblis dan syaitan yang belum sempurna dikenali Abdul Razak akan memperdaya. Ia risau kalau orang Islam mazhab Pas berperang dengan Islam mazhab Umno di kampung pesaka moyangnya.

Sebab itulah yang membawa badan tua lagi uzur itu ke kampung. Dia berazam untuk berada di samping mimbar Masjid Jamek, wakaf khas moyangnya itu sebelum jam 12.00 malam 12 Ramadan tahun 1420 Hijrah. Lamalah dia tiada beriktikad di masjid itu.

Dia mesti berada di situ sebelum Ustaz Wahabi atau Abdul Razak tiba dulu. Dia sudah menyerahkan seluruh dirinya kepada Tuhan yang dikenalnya.

Dia bersedia menghadapi dan menanggung apa-apa saja untuk memberhentikan kalimah politik dan ideologi disebut di kawasan tapak dan dalam ruang binaan masjid pesaka moyangnya Kiyai Jauhar Abu Bakar al-Hadad.

"Akan di-Kau aku sembah, ya Allah ya Tuhanku, ya Rasulullah; Akan di-Kau aku memohon pertolongan dan perlindungan, berkatkan masjid moyangku, reda dan sempurnakan, kasihanilah manusia penduduk kampung tumpah darahku. Jauhkan dari bala bencana angkara iblis dan jin! HuuuuAllah!!!" Dengan doa itu, kaki tuanya meneruskan langkah ke masjid tua, antara masjid tertua di

Kuala Perak berdepan dengan Beting Beras Basah.
(END)